

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HSK 402 Sejarah: Teori dan Kaedah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan, sekurang-kurangnya SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Sejauh manakah, pada pandangan anda, gagasan-gagasan yang dimajukan dalam teori Marx telah menjadikan kajian sejarah lebih mantap dan kukuh?
2. Bincangkan dan nilaikan pembaharuan kepada kajian sejarah yang telah diperkenalkan oleh Aliran Annales.
3. Mengikut Ranajit Guha, perlu adanya pendekatan baru untuk kajian sejarah golongan Subaltern kerana mereka ini telah dipinggirkan dalam kebanyakan tulisan sejarah India. Adakah, pada pandangan anda, pensejarahan Subaltern yang dicadangkan oleh Guha membawa kepada fahaman yang lebih tepat dan mendalam mengenai golongan bawahan dalam sejarah India?

BAHAGIAN B

4. Setujukah anda dengan pandangan Carl Hempel bahawa penjelasan dalam bidang sejarah, seperti dalam bidang yang lain, sepatutnya berasaskan hukum-hukum am?

5. "Sejarah sebagaimana ia benar-benar berlaku tidak mampu diketahui."

Bincangkan.

6. Objektiviti dalam bidang sejarah telah dipertikaikan oleh ramai sarjana kerana nampaknya semua tulisan sejarah tidak terlepas daripada pengaruh zaman dan masyarakat manakala ahli sejarah sering tidak dapat melepaskan diri dari pengaruh kepentingan, kepercayaan dan nilai peribadi.

Apakah, pada pandangan anda, objektiviti sejarah masih dapat dipertahankan?

-oooOOooo-